

Kastam gagalkan cubaan seludup pelbagai barangan komoditi bernilai RM772,000


PELABUHAN KLANG – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup masuk empat jenis barangan komoditi dianggarkan bernilai RM772,000 termasuk duti dan cukai dalam beberapa serbuan di Zon Bebas, Pelabuhan Klang, baru-baru ini.

Pemangku Pengarah JKDM Selangor, Tun Norlela Azumi Ramli berkata, kes pertama membabitkan rampasan sebuah kontena membawa 10,000 kilogram beras dipercayai diimport tanpa permit import pada 25 Mac lalu.

“Rampasan melibatkan nilai anggaran RM170,000 dan duti serta cukai berjumlah RM68,000.

“Pihak pengimport disyaki membuat pengiklanan palsu dalam Borang Kastam 1 dengan mengisytiharkan dagangan sebagai biji selasih, daun dan rempah campuran,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Tun Norlela Azumi berkata, kes



Antara barangan seperti basikal dan barangan elektrik dirampas.

kedua membabitkan rampasan aksesori elektrik dengan nilai anggaran RM163,622.50 dan duti serta cukai RM57,768.18 pada 20 Mac lalu.

“JKDM turut menahan kontena mengandungi 7,320 liter 'ethyl alcohol' yang dianggarkan bernilai RM73,200 dengan jumlah duti serta cukai RM117,229 pada hari sama.

“Pada 25 Mac, kastam menahan

sebuah kontena membawa 492 uni basikal elektrik bernilai RM123,000 di Zon Bebas Pelabuhan Utara,” katanya.

Tun Norlela berkata, semua kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 kerana mengimport barang larangan tanpa kebenaran dan Seksyen 133(1)(a) akta sama kerana membuat ikrar palsu.